Saya, Fazaruddin bin Selamat, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 14 Jun 2017 di Pejabat Tanah Tangkak, Jalan Dataran 1, 84900 Tangkak, Johor jam 11.30 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM90,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu RHB Bank Berhad pada tarikh 23 Ogos 2016 ialah RM54,941.43.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM9,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Ribu Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 12 September 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh di perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Tangkak. Bandar/Pekan/Mukim—Tangkak. No. Lot—19471. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 7133. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 646/2002.

Bertarikh 11 Mei 2017  
[PTDT/10/04/LEL/06/2016]

FAZARUDDIN BIN SALAMAT  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Tangkak*

**No. 3273.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fazaruddin bin Selamat, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya juga memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 14 Jun 2017 di Pejabat Tanah Tangkak, Jalan Dataran 1, 84900 Tangkak, Johor jam 11.00 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM252,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Dua Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu AmBank (M) Berhad pada tarikh 6 Disember 2015 ialah RM293,592.61.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM25,200.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu Dua Ratus Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 12 September 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh di perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Tangkak. Bandar/Pekan/Mukim—Tangkak. No. P.T.D.—27437. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 6766. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 178/2009.

Bertarikh 11 Mei 2017  
[PTDT/22/04/LEL/24/2016]

FAZARUDDIN BIN SALAMAT  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
Tangkak

**No. 3274.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Ezwan bin Abdul Ghani, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 12 Julai 2017 di Dataran Hadapan Cafeteria, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru jam 10.00 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM360,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM385,517.10 sehingga 19 April 2017 nama pemegang gadaian OCBC Al-Amin Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki menandatangani 10% daripada harga rizab RM36,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Enam Ribu Sahaja) dalam bentuk Bank Draft Tempatan atau Cashier's Order di atas nama OCBC Al-Amin Bank Berhad sekurang-kurangnya setengah (1/2) jam, sebelum lelongan awam bermula pada hari lelong awam. Penawar juga perlu membuat tambahan deposit mengikut harga yang berjaya dibida;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (a) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun pengadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (a) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Plentong. No. Lot—17731. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1465. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 583/2014 bertarikh 14 April 2014.

Bertarikh 25 Mei 2017  
[PTDJB(L) 2/2017]

MOHD. EZWAN BIN ABDUL GHANI  
*Pentadbir Tanah*  
*Johor Bahru*

**No. 3275.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Ezwan bin Abdul Ghani, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 5 Julai 2017 di Dataran Hadapan Cafeteria, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru jam 10.00 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM210,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sepuluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM2,254.60 sehingga 19 April 2017 nama pemegang gadaian Citibank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki menandatangani 10% daripada harga rizab RM21,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Ribu Sahaja) dalam bentuk Bank Draft Tempatan atau Cashier's Order di atas nama Citibank Berhad sekurang-kurangnya setengah (1/2) jam, sebelum lelongan awam bermula pada hari lelong awam. Penawar juga perlu membuat tambahan deposit mengikut harga yang berjaya dibida;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (a) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun pengadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (a) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Plentong. No. P.T.D.—181364. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3284. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 209/2008 bertarikh 3 Mac 2008.

Bertarikh 28 Mei 2017  
[PTDJB(L) 21/2016]

MOHD. EZWAN BIN ABDUL GHANI  
*Pentadbir Tanah*  
*Johor Bahru*

**No. 3276.**

(Seksyen 326)

## NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Cheong Soo May (K.P. 681016-02-5058) beralamat di Block C-11-8, Danau Idaman Condo, Jalan 2/109F, Taman Danau Desa, 58100 Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 28943/2015 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Ho Chee Meng (K.P. 620329-08-6063) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Pulai. No. Lot—88242. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 393714. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 70404/2011.

Bertarikh 20 Mac 2017  
[(236) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Johor*

**No. 3277.**

(Seksyen 326)

## NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Veni a/p Muniandy (K.P. 850925-08-6864) beralamat di No. 46, Jalan Suasa 1, Taman Sri Skudai, 81300 Skudai, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 3481/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Sivakumar a/l Kannan (K.P. 740210-01-5803) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Pulai. No. Lot—41446. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 163103. Bahagian Tanah (jika ada)—1/2 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 4814/2005.

Bertarikh 17 April 2017  
[(237) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Johor*

**No. 3278.**

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Omar bin Salleh (K.P. 470713-01-5605) beralamat di Batu 53 1/4, Jalan Air Hitam-Johor, 86100 Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 38220/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Nor Haslinda binti Othman (K.P. 820804-01-5990) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. Lot—3454. Jenis dan No. Hakmilik—P.N. 60378. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 26 April 2017  
[(238) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Johor*

**No. 3279.**

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada K. Paramesvaran a/l N. Kannan (K.P. 631024-01-5815) beralamat di No. 17, Jalan Bidara 8, Kampung Haji Manan, 86000 Kluang, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 795/2015 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Mohanjit Singh a/l Tarlok Singh (K.P. 6925700) pemohon potong kaveat membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Kluang. No. Lot—3225. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2222. Bahagian Tanah (jika ada)—1/2 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 28 Mac 2017  
[Bil. (2)dlm.PTDK Kaveat/2017]

*NUR AMALIA BINTI SAUD  
Pentadbir Tanah  
Kluang*

**No. 3280.**

(Seksyen 326)

## NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Lau Siong Poh beralamat di No. 24, Taman Yong Peng, Bahagian A, 83700 Yong Peng, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 2698/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Wong Eng Kiat pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Batu Pahat. Mukim—Tanjong Sembrong. No. P.T.—2326. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1811. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 10 April 2017

[(103)d/m.PT. 01/00/04/0106/0001/2011 Jld. IV]

*Pentadbir Tanah  
Batu Pahat***No. 3281.**

(Seksyen 326)

## NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Sumarhata bin Ismail (K.P. 630626-01-5375) beralamat di SS 1/98, Parit Hamid, Jalan Parit Karjo, Mukim 10, 83200 Senggarang, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 647/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Mohd. Fadli bin Ramli (K.P. 810605-01-5921) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Batu Pahat. Mukim—Sri Medan. No. L.O.—3188. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 7814. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 11 Mei 2017

[(108)d/m.PT. 01/00/04/0106/0001/2011 Jld. IV]

*Pentadbir Tanah  
Batu Pahat*



## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

## LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

**No. 3282.**

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

(Section 4)

NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor-nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut.

Bagi Tujuan Projek Membina Jalan Sebaya-Bukit Bujang-Balai Badang Mensudut Lama (Fasa 2) Di Mukim Gemas Dan Buloh Kasap Daerah Segamat Untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Daerah Segamat.

It is hereby notified that lands in the locality described in the Schedule hereto, including those lands, if any, specified by lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for the following purpose:

For The Purpose Of Upgrading Road At Jalan Sebaya-Bukit Bujang-Balai Badang-Mensudut Lama (Phase 2) At Mukim Gemas And Buloh Kasap In The District Of Segamat For Ministry Of Rural And Regional Development Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. It is further notified that any person authorized by the State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it and undertake survey operations. If any damage is done in the course of such work compensation therefore will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation will be referred to the Land Administrator at Segamat District Land Office.



## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Segamat. Mukim/Township—Gemas dan Buloh Kasap.

Perihal tanah/Description of the locality:

Mukim: Gemas

Lot	Lot	Lot	Lot	Lot	P.T.D.
3111	3112	3113	3110	3109	3 (Lot 1882)

Mukim: Buloh Kasap

Lot	Lot	Lot	Lot	P.T.D.	M.L.O.
12333	12405	12288	12505	3149 (Lot 11062)	1787
12332	12404	12287	12493	15678 (Lot 7990)	
12331	12403	12286	12491	15677 (Lot 7989)	
12324	12402	12313	12490		
12338	12401	12312	17246		
12352	12400	12311	17248		
17709	12397	12310	471		
11061	12396	12309	17249		
8513	12395	12510	17250		
8515	12394	12507	17251		
11060	12393	17272	17252		
12317	12489	17276	12301		
12316	12485	17277	12300		
12315	12479	12295	12296		
12314	12406	12294	17271		
12291	12289	12293	12509		
12290					

Bertarikh 30 Mei 2017

Dated 30 May 2017

[PTDS 08/02/02/1300/0002/2017;

PTG 08/02/02/1300/0002/2017/0105/2017;

PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 5(8)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH  
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/  
 Director of Lands and Mines Johore*

No. 3283.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Sistem Perparitan Di Mukim Layang-Layang Daerah Kluang Untuk Majlis Daerah Simpang Renggam Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletakanya tanah dan kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular land and area specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Drainage System At Mukim Layang-Layang In The District Of Kluang For Simpang Renggam Municipal Council Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. A plan of the particular land and area so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such land and area are situated.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kluang. Mukim—Layang Layang.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
P.T.D. 2022	H.S.(M) 1036	Marmin bin Margono-1/1 bhg.	Hektar 1.1205 (2E. 3R. 03P.)	Hektar 0.1268 (0.3133 ekar) (1268 meter persegi)

Bertarikh 30 Mei 2017

Dated 30 May 2017

[PTDK 03/04/02/1300/0003/2013;

PTG 03/04/02/1300/0014/2015/0082/2016;

PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 5(10)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH  
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/  
Director of Lands and Mines Johore*

**No. 3284.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Projek Talian Penghantaran Elektrik 500KV Dari Stesen Janakuasa Tanjung Bin Ke PMU Bukit Batu (Rentis Tambahan) Di Mukim Sedenak Daerah Kulai Untuk Tenaga Nasional Berhad Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah dan kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular land and area specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

500KV Transmission Line Route Project From Power Station Of PMU Tanjung Bin To PMU Bukit Batu At Mukim Sedenak In The District Of Kulai For Tenaga Nasional Berhad Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. A plan of the particular land and area so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such land and area are situated.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kulai. Mukim—Sedenak.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Ekar
Lot	GRN.		Ekar	Ekar
3624	238017	Asiatic Plantation (WM) Sdn. Bhd.	1567.1	0.4849
			(634.2 hektar)	(1.1982 hektar)

Bertarikh 30 Mei 2017

Dated 30 May 2017

[PTDK(PBT) 09/04/02/1300/0002/2015;  
PTG 09/04/02/1300/0004/2015/0010/2016;  
PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 5(7)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH  
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/  
Director of Lands and Mines Johore*

No. 3285.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Membina Laluan Baru Jalan Kampung Rahmat Merentasi Estet Sri Gading Di Mukim Minyak Beku Dan Simpang Kanan Daerah Batu Pahat Untuk Jabatan Kerja Raya Negeri Johor Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Suatu pelan tanah-tanah dan kawasan-kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

New Lane Of Jalan Kampung Rahmat Through Sri Gading Estate At Mukim Minyak Beku And Simpang Kanan In The District Of Batu Pahat For Johor Public Works Department Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Batu Pahat. Mukim—Minyak Beku dan Simpang Kanan.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
Lot	G.M.	MUKIM: MINYAK BEKU	Hektar	Hektar
5835	2335	Yeo Choon Thian @ Yam Chon Tian -1/1 bhg.	0.86	0.140
5329	914	Agrimart Sdn. Bhd.-1/1 bhg.	1.0471	0.065
5422	915	Agrimart Sdn. Bhd.-1/1 bhg.	1.1989	0.175
1411	3530	Agrimart Sdn. Bhd.-1/1 bhg.	1.5201	0.127
P.T.D.	H.S.(D)			
826	11362	Tay Heng Hai-1/3 bhg., Tay Heng San-1/3 bhg. dan Tay Heng Yong-1/3 bhg.	4.2055	0.023

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
P.T.D.	H.S.(M)	MUKIM: MINYAK BEKU	Hektar	Hektar
4261	3028	Fadhli bt. Jelani-1/1 bhg.	1.029	0.010
4257	3270	Nazri bin Hassan-1/1 bhg.	0.885	0.212
4259	-	Tanah Kerajaan	0.348	0.141
6629	-	Tanah Kerajaan	0.775	0.125
6628	-	Tanah Kerajaan	0.805	0.140
6518	-	Tanah Kerajaan	0.431	0.169
6519	-	Tanah Kerajaan	0.436	0.024
6522	-	Tanah Kerajaan	0.314	0.075
6523	-	Tanah Kerajaan	0.284	0.174
6524	-	Tanah Kerajaan	0.395	0.132
6623	-	Tanah Kerajaan	0.586	0.106
6624	-	Tanah Kerajaan	0.279	0.196
6773	-	Tanah Kerajaan	0.293	0.125
		MUKIM: SIMPANG KANAN		
T.K.	-	Tanah Kerajaan (Loji Pembentungan Mekanikal) (IWK)	1.800	0.003
T.K.	-	Tanah Kerajaan	0.133	0.003
T.K.	-	Tanah Kerajaan	0.052	0.004
P.T.D.	H.S.(D)			
21703	23367	Nam Heng Oil Company Sdn. Bhd. -1/1 bhg.	1.9335	0.011
Lot	GRN.			
19597	210947	Lim Yik Kian-1/2 bhg. dan Teu Swee Guan-1/2 bhg.	0.130	0.012
19942	430551	Ng Cheng Seng-1/1 bhg.	1.933	0.002
19943	210499	Wang Guan Chiw-1/1 bhg.	1.933	0.005
19944	290752	Wang Guan Chiw-1/1 bhg.	1.934	0.016
19945	290757	Lau Ming Chu @ Low Ming Choo-1/1 bhg.	1.933	0.019
19946	290759	Lau Ming Chu @ Low Ming Choo (P)-1/1 bhg.	1.934	0.038
40348	404519	Ng Sy Keow-1/1 bhg.	0.4046	0.045
19948	290767	Deluxe Crest (M) Sdn. Bhd.-1/1 bhg.	1.934	0.040
29205	190095	Indah Corporation Berhad-1/1 bhg.	0.232	0.023
29206	190094	Meng Choon Agriculture Sdn. Bhd. -1/1 bhg.	1.910	0.041
290770	Lot 19950	Tee Hock Heng-1/2 bhg. dan Tee Lay Hoon-1/2 bhg.	1.933	0.038
19951	GRN. 290833	Phay Chang Soon-1/2 bhg. dan Wong Lian Wee-1/2 bhg.	1.933	0.027
19952	290835	Boo Yew Kam-1/2 bhg. dan Tan Tian Yee (sebagai Pentadbir 1)-1/2 bhg.	1.933	0.031
19953	290840	Boo Yew Kam-1/2 bhg. dan Tan Tian Yee (sebagai Pentadbir 1)-1/2 bhg.	1.933	0.013
19954	290841	Tung Lian Beng-1/3 bhg., Tung Lian Seng-1/3 bhg. dan Tung Liang Hee-1/3 bhg.	2.267	0.013
20350	291428	Chia Taik Sun-1/1 bhg.	0.989	0.004
29416	296288	Indah Corporation Bhd.-1/1 bhg.	21.00	0.528
20387	291633	Indah Corporation Bhd.-1/1 bhg.	40.55	0.132

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
Lot	GRN.	MUKIM: SIMPANG KANAN	Hektar	Hektar
20386	291632	Indah Corporation Bhd.-1/1 bhg.	0.7587	0.074
36828	-	Tanah Kerajaan	890.310	0.878
P.T.D. 63586	H.S.(D) 67550	Genting Plantation (WM) Sdn. Bhd. -1/1 bhg.	3047.6	16.043
P.T.D. 54623	H.S.(D) 64032	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)-1/1 bhg.	43.190	1.431

Bertarikh 30 Mei 2017

Dated 30 May 2017

[PTDBP 01/10/03/1300/12/2016;

PTG 01/08/02/1300/0002/2017/0130/2017;

PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 5(12)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH  
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/  
Director of Lands and Mines Johore*

**No. 3286.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Membina Dan Menyiapkan Jalan Baru Persimpangan Dari Kampung Belukar Durian Di Sedili Kecil Ke Persimpangan Felda Simpang Waha Di Mukim Sedili Kecil Daerah Kota Tinggi Untuk Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Suatu pelan tanah-tanah dan kawasan-kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Constructing And Completion Of Road From Kampung Belukar Durian At Sedili Kecil To Felda Simpang Waha At Mukim Sedili Kecil In The District Of Kota Tinggi For South East Johore Development Authority (KEJORA) Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

## JADUAL/SCHEDULE

## Daerah/District—Kota Tinggi. Mukim—Sedili Kecil.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
			Hektar	Hektar
2030	—	FELDA (Noriza binti Tumin-1/1 bhg.)	4.006	0.0067
2028	—	FELDA (Khatman bin Jahri-1/1 bhg.)	0.6833	0.1652
2118	—	FELDA (Tumirin bin Kaijo-1/1 bhg.)	4.111	0.7032
2115	—	FELDA (Sarinah bt. Abd. Wahab-1/1 bhg.)	4.110	0.237
2116	—	FELDA (Apandi bin Mohd. Yassin-1/1 bhg.)	3.595	0.5851
2114	—	FELDA (Tukiman bin Marsi-1/1 bhg.)	4.231	0.0254
2117	—	FELDA (Apandi bin Mohd. Yassin-1/1 bhg.)	0.5111	0.175
1902	—	FELDA (Bachok bin Ali-1/1 bhg.)	1.405	0.2602
1903	—	FELDA (Bachok bin Ali-1/1 bhg.)	2.662	0.3346
1899	—	FELDA (Md. Sanin bin Salikin-1/1 bhg.)	4.089	0.0223
3480	—	—	2.398	0.0091
—	—	Tanah Felda	—	0.5067
2094	—	FELDA (Yunus bin Rykan-1/1 bhg.)	0.7433	0.1653
2093	—	FELDA (Sipon bin Hussin-1/1 bhg.)	4.016	0.6239
2095	—	FELDA (Yunus bin Rykan-1/1 bhg.)	3.274	0.4356
2096	—	FELDA (Mohamad Jamal bin Bajuri-1/1 bhg.)	4.018	0.0686
2097	—	FELDA (Md. Sa'Aid bin Sadili-1/1 bhg.)	4.024	0.2598
2092	—	FELDA (Ahmed bin Manok-1/1 bhg.)	4.016	0.0263
2098	—	FELDA (Hasnah binti Yusof-1/1 bhg.)	4.018	0.3077
2091	—	FELDA (Ibrahim bin Ab. Ghani-1/1 bhg.)	4.037	0.1491
2089	—	FELDA (Zakaria bin Salman-1/1 bhg.)	3.903	0.1758
2099	—	FELDA (Paimin bin Ahmad-1/1 bhg.)	4.021	0.539
—	—	Tanah Kerajaan	—	3.3053
—	—	Tanah Kerajaan	—	0.2724
—	—	Tanah Kerajaan	—	0.3222
—	—	Tanah Kerajaan	—	0.1596
—	—	Tanah Kerajaan	—	0.0977
P.T.D.				
1048	—	Tanah Kerajaan	71.683	3.3218
811	—	Tanah Kerajaan	49.905	0.9607
1640	—	Tanah Kerajaan	19.961	0.5617
—	—	Tanah Kerajaan	—	0.1192
P.T.D.				
726	—	Tanah Kerajaan	2.0234	0.5164
—	—	Tanah Kerajaan	—	0.0826
P.T.D.				
725	—	Tanah Kerajaan	2.0234	0.5743
785	—	Tanah Kerajaan	2.0234	0.5542
—	—	Tanah Kerajaan	—	0.0765
P.T.D.				
786	—	Tanah Kerajaan	2.0234	0.2728
787	—	Tanah Kerajaan	2.0234	0.2602
789	—	Tanah Kerajaan	2.0234	0.5209
—	—	Tanah Kerajaan	—	0.0744
P.T.D.				
791	—	Tanah Kerajaan	2.0234	0.5238
792	—	Tanah Kerajaan	2.0234	0.4982
597	—	Tanah Kerajaan	2.0234	0.0328
—	—	Tanah Kerajaan	—	0.2985

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil
			Hektar	Hektar
P.T.D.				
601	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.3523
712	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.2899
–	–	Tanah Kerajaan	–	0.2172
P.T.D.				
568	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.5539
567	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.1948
566	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.7535
565	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.143
–	–	Tanah Kerajaan	–	0.2919
P.T.D.				
709	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.146
708	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.4642
707	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.4319
706	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.3903
705	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.3648
704	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.3942
–	–	Tanah Kerajaan	–	0.0931
P.T.D.				
547	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.0888
548	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.5643
549	–	Tanah Kerajaan	2.0234	0.4709
–	–	Tanah Kerajaan	–	2.4239
–	–	Tanah Kerajaan	–	0.3008
–	–	Tanah Kerajaan	–	0.8076
P.T.D.				
1935	–	Tanah Kerajaan	0.9843	0.4606
1934	–	Tanah Kerajaan	1.6179	0.8329
1933	–	Tanah Kerajaan	0.5532	0.0524
1941	–	Tanah Kerajaan	2.3790	0.0609
1929	–	Tanah Kerajaan	0.9233	0.0675
1930	–	Tanah Kerajaan	0.9314	0.0579
1931	–	Tanah Kerajaan	0.9037	0.0353
1932	–	Tanah Kerajaan	0.5441	0.1708

Bertarikh 30 Mei 2017

Dated 30 May 2017

[PTDKT(PBT) 04/09/02/1300/02/2017-942;

PTG. 04/09/02/1300/0003/2017/0131/2017;

PUNJ.PP. 950-6/A.203/1960 JLD. 5(14)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH  
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/  
 Director of Lands and Mines Johore*

Hakcipta Pencetak ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
 CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2017  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my), email.pnmbjb@printnasional.com.my